

MAHATHIR - PBDS R' R' R'

1984

KUALA LUMPUR, 8 JAN. (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL HARI INS MENERIMA PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS) MENJADI ANGGOTA BARISAN NASIONAL (BN), DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN .

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEHEERITA SELEPAS HEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BN SELAMA SATU JAM DI SINI KEPUTUSAN MENERIMA PBDS MENJADI KOMPONEN BARISAN DIPERSETUJUI SEBULAT SUARA OLEH SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN.

KATANYA KEANGGOTAAN PBDS DALAM BARISAN TELAH DICADANGKAN OLEH PARTI PESAKA BUMI PUTERA EERSATU (PBB) DAN DISOKONG OLEH PARTI KEBANGSAAN SARAWAK (SNAP) DAN DIPERSETUJUI OLEH PARTI RAKYAT BERSATU SARAWAK (SUPP) DAN SEMUA ANGGOTA LAIN.

PEDS YANG DIKETUAI OLEH HENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS DATUK LEO MOGGIE DITUBUHKAN JULAI LALU SEKUMPULAN BEKAS ANGGOTA SNAP.

DALAM PILIHANRAYA SARAWAK BARU-BARU INI, PBDS MEMENANGI ENAM DARIPADA 18 BUAH KERUSI YANG DITANDINGINYA.

SEBELUM INI PBDS TELAH MEMOHON UNTUK MENJADI ANGGOTA BARISAN NASIONAL TETAPI SNAP YANG MERUPAKAN SEBUAH DARIPADA TIGA KOMPONEN BARISAN NASIONAL NEGERI SARAWAK (DUA KOMPONEN LAGI IALAH PBB DAN SUPP) TELAH MEMBANTAH. -- LAGI 1707/MK
MAHATHIR - PBDS 2 KUALA LUMPUR R' R' R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MAJLIS TERTINGGI BARISAN JUGA TELAH MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PBDS DI ATAS KEHENANCANNYA YANG CEMERLANG DALAM PILIHANRAYA SARAWAK BARU-BARU INI.

KEPADA SATU SOALAN, BELIAU SERKATA KEMASUKAN PBDS TIDAK MEMERANJATKAN KERANA SNAP MEMBERISOKONGANNYA KEPADA CADANGAN DARIPADA PBB.

DITANYA MENCENAI TINDAKAN SNAP YANG DIKATAKAN TELAH MELETAKKAN CALON-CALON BEBAS MENENTANG CALON-CALON BN DALAM PILIHANRAYA SARAWAK, BELIAU BERKATA PERKARA ITU TIDAK DITUMBULKAN DALAH MESYUARAT.

BILA DITANYA SAMADA APA-APA TINDAKAN AKAN DIAMBIL TERHADAP SNAP BERPUNGGUNG DENGAN PERKARA ITU, BELIAU BERKATA TIDAK ADA APA-APA TINDAKAN BOLEH DIAMBIL KERANA BELIAU TIDAK MENERIMA LAPORAN RASMI MENGENAI PERKARA BERKENAAN.

TERDAHULU, DATUK MOGGIE SELAKU PRESIDEN SEMENTARA PBDS DAN DIRINGI OLEH TIMBALAN KETUA HENTERI SARAWAK DATUK DANIEL TAJEM YANG MENJADI NAIB PRESIDEN SEMENTARA, TELAH DIPANGGIL MASUK KE BILIK MESYUARAT, SELEPAS KEPUTUSAN MENERIMA PBDS MENJADI ANGGOTA BARISAN DICAPAI, UNTUK DIBERI KERUSI MAJLIS TERTINGGI BN.

DATUK MOGGIE KETIKA DITEMUI SELEPAS MESYUARAT ITU BERKATA PBDS BERTERIMA KASIH KEPADA PARTI-PARTI KOMPONEN BN DI ATAS PERSETUJUAN MENERIMA PARTINYA HENJADI KELUARGA BARISAN.

KATANYA PBDS SEPERTI YANG PERNAH DISUARAKAN SEBELUM INI BERPEGANG KEPADA DASAR DAN PRINSIP YANG SAMA DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA BARISAN YANG LAIN DAN IA AKAN TERUS BERBUAT DEMIKIAN. -- BERNAMA 1717/MK